

Penguasaan Kecekapan Budaya dalam Terjemahan Arab–Melayu

ABSTRAK

Dalam sesuatu aktiviti terjemahan, penterjemah berperanan sebagai perantara antara dua masyarakat berbeza bahasa dan bersilang budaya. Namun begitu, walaupun sesuatu terjemahan sudah dilakukan, komunikasi yang baik antara dua masyarakat yang berbeza bahasa akan terganggu jika budaya dalam sesuatu unit bahasa itu tidak difahami oleh penterjemah. Hal ini demikian kerana budaya umpama cerminan bagi sesuatu bahasa. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi membuat tinjauan terhadap penguasaan kecekapan budaya dalam hasil terjemahan pelajar jurusan bahasa Arab di dua buah institut perguruan. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan kualitatif yang menggunakan dua jenis instrumen, iaitu instrumen soalan ujian berkaitan kecekapan terjemahan yang dijalankan terhadap 90 orang sampel pelajar dan instrumen temu bual yang dijalankan terhadap tiga orang pensyarah dan 12 orang peserta pelajar. Instrumen temu bual dijalankan bagi mengetahui faktor yang mungkin mempengaruhi tahap penguasaan kecekapan budaya dalam kalangan pelajar. Dapatan menunjukkan bahawa tahap penguasaan kecekapan budaya pelajar jurusan bahasa Arab di dua buah institusi perguruan tersebut adalah pada aras sederhana rendah, iaitu dengan nilai min markah sebanyak 53.44%. Hasil tinjauan temu bual pula mendedahkan bahawa pelajar kurang diberi penekanan aplikasi dan praktikal tentang elemen budaya dalam terjemahan. Kajian ini diharap dapat memberi input baharu yang perlu diberi perhatian oleh para pelajar bagi menghasilkan terjemahan yang lebih baik antara dua bahasa yang bersilang budaya, di samping dapat memberi idea kepada pihak yang berautoriti untuk mengambil langkah yang lebih proaktif dalam meningkatkan tahap penguasaan kecekapan budaya dalam kalangan pelajar, seperti memasukkan elemen budaya dalam silibus kursus terjemahan.

Kata kunci: Kecekapan budaya; hasil terjemahan; bahasa Arab; institusi perguruan

Mastery of Cultural Competence in Arabic-Malay Translation

ABSTRACT

In a translation activity, the translator acts as an intermediary between two communities of different languages and cross-cultural. However, even if a translation is completed, good communication between two communities of different languages will be disrupted if the culture in a language unit is not understood by the translator. This is because culture is like a reflection of a language. Therefore, this study was conducted to investigate the mastery of cultural competence in the translation results produced by students majoring in Arabic at two teaching institutions. This study employed quantitative and qualitative methods, using two types of instruments, namely the test question instrument related to translation competence conducted on ninety student samples and interview instruments conducted on three lecturers and twelve student participants. Interview instruments were used to find the factors that influence the mastery of cultural competence level among students. Finding shows that the mastery of cultural competence level among students majoring in Arabic language in the two teaching institutions is at a medium to low level with a mean score of 53.44%. The results of the interview revealed that less emphasis on application and practical about the cultural elements in translation were given to the students. It is expected that this study could provide new input to the students to produce better translation between two cross-cultural languages, as well as to

give ideas to the authorities to take more proactive steps in improving the mastery of cultural competence level among students, such as to include cultural elements in the syllabus of translation courses.

Keywords: Cultural competence; translation product; Arabic language; teaching institution

PENDAHULUAN

Budaya umpama cerminan sesuatu bahasa. Tahap pemahaman terhadap budaya akan mencerminkan tahap pemahaman terhadap bahasa budaya itu. Pemahaman yang baik terhadap budaya hakikatnya akan menghasilkan terjemahan yang baik bagi bahasa budaya tersebut. Lantaran itu, sungguhpun terjemahan sudah dilakukan, komunikasi yang baik antara dua masyarakat yang berbeza bahasa akan terganggu jika budaya dalam unit bahasa itu tidak difahami.

Bassnett (1992:14) yang membicarakan tentang hubungan antara bahasa dan budaya dalam terjemahan telah memetik pendapat Lotman (1978), seorang pakar semantik berbangsa Soviet bahawa tidak ada bahasa yang wujud melainkan sebagai dimensi dalam konteks budaya dan tiada budaya yang boleh wujud jika tidak mempunyai asasnya iaitu struktur bahasa semulajadi. Oleh itu, Bassnett (1992: 14) telah membuat analogi bahawa bahasa adalah nadi budaya. Kedua-duanya saling berinteraksi bagi kesinambungan jangka hayat sesuatu bahasa:

“Language, then, is the heart within the body of culture, and it is the interaction between the two that results in the continuation of life energy”.

Vermeer (2004: 28) turut menegaskan bahawa bahasa adalah sebahagian daripada budaya. Bahkan menurut House (2013: 12), budaya boleh dirujuk sebagai nilai dan adat yang dikongsi bersama yang bertindak sebagai garis panduan mental untuk mengekspresikan pemikiran dan kelakuan manusia. Penggunaan bahasa berserta resamnya menjadi penyumbang kepada ikatan sosial dan identiti budaya.

Berdasarkan kepada perbahasan para sarjana, terjemahan dilihat sentiasa melibatkan unsur bahasa dan unsur budaya bagi bahasa sumber dan bahasa sasaran. Selain menjadi alat komunikasi antara dua masyarakat yang berbeza bahasa, terjemahan juga secara tidak langsung berperanan sebagai agen silang budaya antara dua bahasa dan dapat menggalakkan kefahaman dan perbincangan tentang kesejagatan bahasa dan budaya pelbagai bangsa. Penterjemah yang berperanan sebagai agen silang budaya ini pula lazimnya lahir daripada pendedahan kepada beberapa siri pembelajaran atau kursus terjemahan.

Namun begitu, pelajar yang mengambil sesuatu kursus terjemahan seringkali berhadapan dengan masalah kecekapan budaya. Realiti ini didasarkan kepada dapatan kajian-kajian terdahulu seperti kajian yang dibuat oleh Bednárová-Gibová (2014) dan Ika Suzainn Let & Rohaidah Kamarudin (2018). Kajian-kajian tersebut mendedahkan bahawa kecekapan bahasa dan budaya sering sahaja menjadi masalah utama kepada pelajar, sekaligus mengganggu mereka untuk menghasilkan teks terjemahan yang lebih baik. Dalam hal ini Goh Sang Seong (2012: 184) mendakwa bahawa sebab utama keadaan ini berlaku adalah kerana terdapat konsep budaya yang “tidak wujud sama sekali dalam pandangan dunia” bahasa sasaran.

Bednárová-Gibová (2014: 4) umpamanya, telah menjalankan kajian berkenaan prestasi penterjemah pelatih terhadap terjemahan petikan teks sastera daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Slovak. Hasil kajian beliau mendapati bahawa terdapat beberapa masalah ketika penterjemah pelatih menangani proses terjemahan teks kesusasteraan, antaranya ialah masalah dalam menterjemah kata adjektif, masalah dalam struktur tatabahasa yang rumit, kurang memahami teks asal serta kurang mengenali istilah khusus budaya. Begitu juga kajian yang

dijalankan oleh Ika Suzainn Let dan Rohaidah Kamarudin (2018) yang menjalankan kajian mengenai penterjemahan unsur budaya dalam bahasa kiasan daripada lagu bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Dapatan kajian mendapati bahawa antara faktor yang mempengaruhi pemilihan kaedah penterjemahan dalam kalangan responden ialah kurang pengetahuan tentang terjemahan dan budaya bahasa sumber. Justeru itu, Normalis Amzah, Hieda dan Nezu (2012: 409) menekankan kepentingan penyerapan unsur budaya dalam pembelajaran bahasa asing bagi meningkat pengetahuan pelajar berkaitan budaya asing, khususnya yang disasarkan.

Dalam hal ini juga, aspek kecekapan budaya dalam kalangan pelajar atau penterjemah pelatih di Malaysia, khususnya di institusi perguruan seharusnya tidak terkecuali daripada diberi penekanan untuk dikaji dan diselidiki. Hal ini demikian kerana elemen kebudayaan ini bukan sahaja dapat membantu pelajar memahami dan menghayati budaya asing dengan lebih baik, malahan dapat memenuhi aspirasi pembelajaran abad yang ke-21 (PAK-21).

Strategi dan perspektif baharu dalam aspirasi PAK-21 yang turut bertemakan kepelbagaian budaya dilihat dapat mendorong pelajar untuk memahami kepelbagaian budaya. Rentetan itu, matlamat pendidikan untuk memberi kesedaran bahawa wujudnya pelbagai norma, budaya, agama dan bangsa dalam masyarakat serta wujudnya persamaan-persamaan antara budaya dapat dicapai (Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin, 2017: 10).

ELEMEN KECEKAPAN BUDAYA DALAM TERJEMAHAN

Menurut Schaffner dan Adab (2000: x), kecekapan merupakan suatu konsep sumatif yang merangkumi kebolehan pencapaian keseluruhan serta diakui sukar untuk didefinisikan. Definisi kecekapan terjemahan kebiasaannya menjurus kepada penyenaian sub-kecekapan yang tertentu seperti kecekapan bahasa, kecekapan teks, kecekapan subjek dan kecekapan budaya (Neubert, 2000).

Neubert (2000: 9) berpendapat bahawa kecekapan budaya merupakan kecekapan yang kompleks yang memerlukan kebijaksanaan penterjemah dalam mengawal budaya antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Pendapat Neubert (2000) ini hampir sama dengan Vermeer (2004) yang menyatakan bahawa sesuatu teks sumber pada asalnya ditulis dalam situasi budaya sumber. Oleh itu, penterjemah memainkan peranan penting dalam proses komunikasi antara budaya semasa kerja-kerja menterjemah dilakukan (Vermeer, 2004: 28).

Pym (2014: 139) pula menegaskan bahawa tumpuan sebenar penterjemahan budaya adalah terhadap proses budaya dan bukannya terhadap produk. Hal ini kerana punca utama terjemahan budaya ialah pergerakan masyarakat atau bangsa (*movement of people*) dan bukannya pergerakan teks (*movement of text*).

Namun begitu, dalam aspek penterjemahan budaya, perbezaan jurang antara budaya sumber dan budaya sasaran seringkali mengundang masalah kepada penterjemah dalam mencari padanan yang sesuai dalam bahasa sasaran. Keadaan ini bertepatan dengan dakwaan Newmark (1998: 94):

“Frequently where there is cultural focus, there is a translation problem due to cultural ‘gap’ or ‘distance’ between the source and target language.”

Zaitul Azma Zainon Hamzah (2009: 94) turut menyatakan bahawa antara masalah umum yang sentiasa dihadapi dalam penterjemahan aspek budaya ialah ketiadaan perkataan bahasa sasaran yang sepadan dengan perkataan bahasa sumber. Keadaan ini biasanya timbul apabila sesuatu konsep itu tidak pernah ada dalam budaya bahasa sasaran.

Hakikatnya, selain kesukaran mencari padanan budaya dan mengenal pasti prosedur yang paling sesuai untuk digunakan dalam proses memindahkan maksud butiran budaya asal

kepada teks sasaran, kesulitan lain bagi penterjemah juga ialah apabila harus berusaha untuk melindungi makna yang tersirat di sebalik simbol-simbol atau ciri-ciri budaya tempatan yang digunakan dalam bahasa sumber. Menurut Goh Ying Soon & Azman Che Mat (2009: 369), penterjemahan yang berkesan ialah penterjemahan yang melindungi ciri-ciri tempatan budaya sumber dan dalam masa yang sama tetap memastikan hasil terjemahan dapat difahami oleh pembaca sasaran. Hal ini bermakna penterjemah mempunyai dua tanggungjawab, iaitu yang pertama tanggungjawab kepada penulis teks budaya sumber dan yang kedua tanggungjawab kepada pembaca teks sasaran.

Bagi mengatasi masalah penterjemahan budaya ini, Zaitul Azma Zainon Hamzah (2009: 94) mencadangkan supaya prinsip pragmatik dan kaedah analoginya digunakan, iaitu sama ada:

1. Memadankan perkataan bahasa sumber dengan serangkai kata bahasa sasaran yang sesuai dengan konteks budaya sasaran. Contohnya:
نطلع على سطوح البيت لمشاهدة النجوم المنتشرة : Kami naik ke atas sutuh - bumbung rumah yang mendatar dan lapang - untuk melihat bintang-bintang yang bertaburan.
2. Memadankan perkataan bahasa sumber dengan perkataan yang paling hampir mengikut penggunaan budaya sasaran. Misalnya:
نطلع على سطوح البيت لمشاهدة النجوم المنتشرة : Kami naik ke atas bumbung rumah untuk melihat bintang-bintang yang bertaburan.
3. Meminjam secara langsung perkataan bahasa sumber ke dalam teks terjemahan dengan mengekalkan latar atau konteks budaya sumber. Sebagai contoh:
نطلع على سطوح البيت لمشاهدة النجوم المنتشرة : Kami naik ke atas sutuh untuk melihat bintang-bintang yang bertaburan.

Goh Ying Soon & Azman Che Mat (2009: 369) telah memberikan contoh yang agak menarik berkenaan kesukaran terjemahan budaya ini, iaitu terjemahan Melayu-Cina bagi perkataan 'aurat'. Terjemahan perkataan 'aurat' ke dalam bahasa Cina didapati agak sukar. Hal ini demikian kerana perkataan 'aurat' merujuk kepada bahagian badan yang tidak boleh diperlihatkan dalam hukum Islam. Namun, apabila perkataan tersebut diterjemahkan ke dalam bahasa Cina, hasil terjemahan memerlukan ayat yang agak panjang supaya dapat menjelaskan konsep yang tersirat dalam budaya Islam tersebut iaitu '*bu ke bao lu de shen ti bu fen*' (anggota badan yang tidak boleh didedahkan). Hasil terjemahan yang agak panjang ini terpaksa dilakukan demi menjaga ciri-ciri tempatan budaya sumber, namun pada masa yang sama hasil terjemahan masih dapat difahami dengan baik oleh pembaca sasaran. Situasi ini bertepatan dengan dakwaan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2009: 98) bahawa pengekalan aspek budaya dalam teks terjemahan dapat menggambarkan latar masyarakatnya, di samping dapat mengekalkan persamaan dan kelangsungan penceritaan budaya yang melatari sesebuah karya terjemahan itu.

Namun begitu, tidak semua penceritaan budaya perlu mengekalkan aspek budaya sumber terutamanya terjemahan bagi penceritaan yang melibatkan adaptasi daripada sesebuah cerita budaya asing. Sebagai contoh, penggunaan prosedur adaptasi oleh Hill (2009: 81) dalam karya terjemahan beliau '*The Hikayat Abdullah*' daripada karya asal '*Hikayat Abdullah*' (Abdullah Abdul Kadir Munsyi, 1997: 67), iaitu:

Teks sumber:	<u>Puyu-puyu</u> konon namanya, Di dalam <u>kolam</u> konon tempatnya
Teks terjemahan:	<i>With <u>goldfish</u> let them be compared Swimming in a <u>bowl</u> perchance</i>

Dalam konteks ini, penterjemah telah memilih perkataan ‘*goldfish*’ daripada menterjemah secara langsung bagi perkataan ‘puyu-puyu’. Penterjemah juga telah menyesuaikan ‘*goldfish*’ dengan ‘*bowl*’ berbanding sifat asal bagi ‘puyu-puyu’ yang tinggal di dalam kolam. ‘*Goldfish*’ dan ‘*bowl*’ digunakan dalam teks terjemahan bersesuaian dengan pembaca sasaran yang lebih mengenali ‘*goldfish*’ yang tinggal di dalam ‘*bowl*’ berbanding ‘puyu-puyu’ yang tinggal di dalam kolam.

Justeru itu, tidak mudah untuk seseorang penterjemah itu melakukan sesuatu terjemahan yang melibatkan dua silang budaya. Dalam konteks ini, penterjemah perlulah menunjukkan kesungguhan dan kecekapan dalam aspek penterjemahan budaya. Sebaliknya, jika seseorang penterjemah menterjemahkan teks sesuatu bahasa secara berasingan daripada budaya, kebarangkalian untuk merosakkan bahasa adalah tinggi.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi membuat tinjauan terhadap penguasaan kecekapan budaya dalam terjemahan ke dalam bahasa Melayu oleh pelajar jurusan bahasa Arab di dua buah institut perguruan Malaysia. Kajian ini mensasarkan dua objektif kajian, iaitu: 1) perbezaan bentuk dan tahap ketepatan hasil terjemahan oleh pelajar jurusan bahasa Arab berdasarkan kecekapan budaya, dan 2) faktor yang mempengaruhi tahap kecekapan budaya dalam hasil terjemahan pelajar jurusan bahasa Arab.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk mod campuran kuantitatif dan kualitatif, bertujuan untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih menyeluruh, baik dan jitu. Responden kajian terdiri daripada 90 orang pelajar jurusan bahasa Arab dan tiga orang pensyarah kursus terjemahan di dua buah institusi perguruan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah instrumen soalan ujian kecekapan dan instrumen temu bual semistruktur. Soalan ujian kecekapan terdiri daripada 10 item berkenaan elemen budaya yang perlu diterjemah oleh responden daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu. Hasil terjemahan kemudian dianalisis berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan iaitu perbezaan bentuk terjemahan dan tahap ketepatan bagi bentuk terjemahan tersebut. Akhir sekali, kekerapan dan peratusan bagi setiap tahap ketepatan bentuk terjemahan dianalisis menggunakan perisian *SPSS (Statistical Package for Social Science)* bagi mengetahui aras penguasaan kecekapan budaya responden.

Bagi instrumen temu bual pula, peserta yang terlibat ialah tiga orang pensyarah dan 12 orang pelajar yang dipilih secara sukarela. Temu bual ini dijalankan bagi mendapatkan pandangan peserta berkenaan faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi tahap kecekapan budaya pelajar dalam hasil terjemahan mereka.

Elemen budaya dalam kajian ini dirujuk kepada kategori-kategori budaya seperti yang dibincangkan oleh Ghazala (2008: 195) berkenaan istilah budaya oleh Newmark (1981: 82). Antara kategori-kategori tersebut ialah budaya ekologi, budaya makanan, budaya sosial, budaya material serta budaya kostum dan idea. Budaya yang telah ditetapkan dalam kajian ini ialah kebudayaan Arab-Melayu.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan daripada analisis yang dilakukan terhadap hasil terjemahan responden bagi 10 item soalan ujian kecekapan adalah seperti berikut:

a) **Perbezaan bentuk dan tahap ketepatan hasil terjemahan oleh pelajar jurusan bahasa Arab berdasarkan kecekapan budaya**

1. Item 1: Perkataan ‘الهعنع’ [al-hu^ʿkhaʿ] dalam ayat ‘تركتُ ناقتي ترعى الهعنع’:

‘الهعنع’ [al-hu^ʿkhaʿ] ialah nama sejenis rumput di negara Arab. Bagi konteks budaya, ‘الهعنع’ [al-hu^ʿkhaʿ] termasuk dalam kategori ekologi yang meliputi tumbuhan, haiwan, cuaca, gunung ganang, dataran dan seumpamanya (Ghazala, 2008: 195).

Terjemahan bagi perkataan ‘الهعنع’ [al-hu^ʿkhaʿ] agak sukar dilakukan memandangkan tiada padanan yang sesuai dalam bahasa sasaran yang dapat menggambarkan rupa sebenar rumput tersebut. Justeru itu, memandangkan tiada perkataan yang ideal yang dapat dipadankan dengan perkataan ‘الهعنع’ [al-hu^ʿkhaʿ], seseorang penterjemah boleh menggunakan prosedur terjemahan yang dirasakan paling sesuai untuk menterjemahkan perkataan tersebut, terutamanya dalam usaha melindungi ciri-ciri tempatan budaya sumber dan dalam masa yang sama dapat memastikan hasil terjemahan boleh difahami dengan baik. Oleh itu, ketiga-tiga hasil terjemahan berikut dianggap sesuai bagi perkataan ‘الهعنع’ [al-hu^ʿkhaʿ] dalam teks sumber ‘تركتُ ناقتي ترعى الهعنع’:

- i. *hu'kha'* (aku membiarkan untaku meragut *hu'kha'*):
Bagi bentuk terjemahan ini, prosedur meminjaman dilakukan. Dalam hal ini, perkataan *hu'kha'* dipinjamkan secara langsung daripada الهعنع [al-hu^ʿkhaʿ], iaitu dari segi bunyi dan makna dan ditransliterasikan sebagai *hu'kha'*. Prosedur meminjaman kebiasaannya dilakukan bagi menggambarkan ciri-ciri tempatan sesuatu kata budaya dalam bahasa sumber.
- ii. rumput *hu'kha'* (aku membiarkan untaku meragut rumpun *hu'kha'*):
Bagi bentuk terjemahan ini, prosedur eksplisitasi digunakan. Prosedur ini melibatkan penambahan perkataan untuk menjelaskan sesuatu yang tersirat dalam bahasa sumber. Dalam hal ini, perkataan sumber الهعنع [al-hu^ʿkhaʿ] mengandungi maksud ‘rumpun’ hanya secara tersirat, namun apabila terjemahan dilakukan, perkataan ‘rumpun’ dijelmakan untuk menjelaskan bahawa *hu'kha'* hakikatnya adalah sejenis rumput.
- iii. rumput (aku membiarkan untaku meragut rumpun):
Bentuk terjemahan ini melibatkan prosedur generalisasi. Perkataan ‘الهعنع’ [al-hu^ʿkhaʿ] merupakan nama khusus bagi sejenis rumput, namun apabila terjemahan dilakukan, perkataan ‘الهعنع’ [al-hu^ʿkhaʿ] diterjemahkan secara umum menjadi ‘rumpun’ sahaja. Terjemahan sebegini dapat difahami dengan baik dalam bahasa sasaran, namun ciri-ciri tempatan budaya sumber telah hilang.

Bagi Item 1 ini, terdapat 29 orang responden yang dapat menterjemahkan perkataan ‘الهعنع’ [al-hu^ʿkhaʿ] dengan padanan yang ideal dan sesuai mengikut konteks budaya, iaitu ‘rumpun’ atau ‘rumpun herba’ dengan peratusan sebanyak 32.22%. Sementara bentuk terjemahan yang kurang menepati konteks budaya antaranya ialah ‘batang/ batang pokok’ (12 orang), ‘sejenis tumbuhan’ (7 orang), ‘anak unta’ (7 orang) dan ‘herba’ (6 orang). Oleh itu, jumlah keseluruhan responden yang tidak dapat menterjemah dengan padanan terjemahan yang sesuai ialah 61 orang dengan peratusan sebanyak 67.78%.

2. Item 2: Perkataan ‘القمح’ [al-qamḥ] dalam ayat ‘تناول إبراهيم القمح مع زميله’:

Terjemahan yang baik dan ideal bagi perkataan ‘القمح’ [al-qamḥ] mengikut konteks budaya ialah ‘roti’ (Ibrahim bersarapan roti bersama-sama rakannya). Berdasarkan konteks budaya, ‘roti’ termasuk dalam kategori budaya material, iaitu di bawah butiran makanan (Ghazala, 2008: 195).

Secara asasnya, terjemahan secara literal untuk perkataan ‘القمح’ [al-qamḥ] ialah ‘gandum’. Namun, perkataan ‘gandum’ tidak sesuai digunakan kerana kejanggalan penggunaannya dalam konteks budaya dan padanan makna dalam bahasa Melayu, iaitu ‘Ibrahim bersarapan gandum bersama-sama rakannya’. Oleh itu, terjemahan yang lebih sesuai bagi perkataan ‘القمح’ [al-qamḥ] ialah ‘roti’ (Ibrahim bersarapan roti bersama-sama rakannya). Bagi bentuk terjemahan ‘roti’, prosedur modulasi digunakan iaitu dengan membuat perubahan sudut pandang pada perkataan ‘القمح’ [al-qamḥ] kepada ‘roti’.

Bagi Item 2 ini, terdapat 41 orang responden yang dapat menterjemahkan perkataan ‘القمح’ [al-qamḥ] dengan padanan yang ideal mengikut konteks budaya, iaitu ‘roti’ dengan peratusan sebanyak 45.56%. Sementara bentuk terjemahan yang kurang menepati konteks budaya antaranya ialah ‘gandum’ (31 orang), ‘bijirin’ (6 orang), ‘tepung’ (2 orang) dan ‘kopi’ (seorang). Oleh itu, jumlah keseluruhan responden yang tidak dapat menterjemah dengan padanan yang sesuai ialah 49 orang dengan peratusan sebanyak 54.44%.

3. Item 3: Perkataan ‘القطن’ [al-qatn] dalam ayat ‘لبس إسماعيل القطن يوم العيد’:

Secara literal, makna asal bagi perkataan ‘القطن’ [al-qatn] ialah ‘kapas’, namun menterjemahkan perkataan ‘القطن’ [al-qatn] sebagai ‘kapas’ dilihat tidak sesuai dengan konteks budaya dan padanan makna bagi bahasa Melayu (Ismail mengenakan kapas pada hari raya). Oleh itu, terjemahan yang lebih ideal ialah ‘baju berkain kapas’ (Ismail mengenakan baju berkain kapas pada hari raya). Bagi konteks budaya, ‘القطن’ [al-qatn] merujuk kepada sejenis pakaian. Ghazala (2008: 195) telah memasukkan butiran pakaian ini dalam kategori budaya material.

Hakikatnya, penggunaan perkataan القطن [al-qatn] dalam budaya Arab merujuk kepada baju yang diperbuat daripada kapas. Kebiasaannya, masyarakat Arab gemar memakai pakaian yang diperbuat daripada kapas yang sesuai dengan cuaca panas di kebanyakan negara Timur Tengah. Justeru itu, padanan terjemahan ‘baju berkain kapas’ bagi perkataan القطن [al-qatn] dilihat lebih sesuai dan ideal. Dalam konteks ini, prosedur eksplisitasi yang melibatkan ‘penambahan melalui penjelasan’ digunakan iaitu dengan menambahkan perkataan ‘baju’ untuk perkataan ‘القطن’ [al-qatn]/kapas’ menjadi ‘baju kapas’ atau ‘baju berkain kapas’.

Selain bentuk terjemahan ‘baju berkain kapas’, bentuk terjemahan ‘baju’ dan ‘pakaian’ bagi perkataan ‘القطن’ [al-qatn] (Ismail mengenakan baju/pakaian pada hari raya) iaitu dengan menggugurkan perkataan ‘berkain kapas’ juga diterima. Bagi bentuk terjemahan ‘baju’ dan ‘pakaian’ ini, prosedur generalisasi digunakan. iaitu dengan membuat terjemahan secara umum sahaja bagi perkataan ‘القطن’ [al-qatn] menjadi ‘baju’ atau ‘pakaian’.

Bagi Item 3 ini, terdapat 49 orang responden yang dapat menterjemahkan perkataan ‘القطن’ [al-qatn] dengan padanan yang mengikut konteks budaya iaitu ‘baju kapas/pakaian kapas’ (14 orang) atau ‘baju/pakaian’ (35 orang) dengan peratusan keseluruhan sebanyak 54.44%. Sementara bentuk terjemahan yang kurang menepati konteks budaya dan makna dalam bahasa Melayu antaranya ialah ‘kapas’ (30 orang), ‘pakaian cotton’ (3 orang), ‘sutera’ (3 orang) dan ‘baju Melayu’ (seorang). Oleh itu, keseluruhan responden yang tidak dapat memberi padanan bagi perkataan ‘القطن’ [al-qatn] dengan ideal ialah 41 orang dengan peratusan sebanyak 45.56%.

4. Item 4: Perkataan ‘المجاملة’ [al-mujāmalah] dalam ‘إن المجاملة هي معاملة عادية عند المجتمع العربي’:

Terjemahan yang sesuai dan ideal bagi perkataan *المجاملة* [*al-mujāmalah*] mengikut konteks budaya ialah sama ada ‘berbasa-basi’ atau ‘bermujamalah’ (berbasa-basi/bermujamalah merupakan pergaulan biasa dalam kalangan masyarakat Arab). *المجاملة* [*al-mujāmalah*] (*mujamalah*) merupakan salah satu bentuk komunikasi yang sering diamalkan dalam budaya masyarakat Arab. Bagi masyarakat Arab Mesir khususnya, budaya *mujamalah* dianggap sebagai suatu bentuk komunikasi yang menjadi kemestian dalam pergaulan harian. Tanpa *mujamalah*, komunikasi mereka seolah-olah menjadi hambar dan tiada roh (Pabiyah Toklubok@Hajimaming & Kamariah Kamaruddin, 2009: 331). Ghazala (2008: 195) telah memasukkan butiran komunikasi berbentuk *mujamalah* ini di bawah kategori budaya sosial.

Dalam konteks terjemahan perkataan *المجاملة* [*al-mujāmalah*], prosedur terjemahan literal atau prosedur meminjaman boleh digunakan. Bentuk terjemahan yang sepadan untuk perkataan *المجاملة* [*al-mujāmalah*] berdasarkan terjemahan literal ialah ‘berbasa basi’ atau ‘bermuka-muka’. Namun begitu, bentuk terjemahan responden kajian iaitu ‘pujian’ masih diterima sebagai terjemahan yang sepadan, berikutan penggunaan konsep ketepatan yang hampir mengikut terma ‘ketepatan’ (*accuracy*) yang digunakan oleh Schaffner (1998: 1). Bagi penggunaan prosedur meminjaman pula, perkataan ‘المجاملة’ [*al-mujāmalah*] dipindahkan secara langsung ke dalam bahasa sasaran dengan transliterasi sebagai ‘*mujamalah*’. Prosedur meminjaman ini sesuai dilakukan bagi tujuan mengekalkan ciri-ciri tempatan budaya Arab.

Bagi Item 4, hanya 9 orang responden yang dapat menterjemahkan perkataan *المجاملة* [*al-mujāmalah*] dengan padanan yang paling hampir mengikut konteks budaya iaitu ‘pujian’ dengan peratusan sebanyak 10%. Sementara bentuk terjemahan yang tidak menepati konteks budaya antaranya ialah ‘kesopanan’ (31 orang), ‘percuma’ (20 orang), ‘budi bahasa’ (15 orang) dan ‘kehormatan’ (4 orang). Oleh itu, jumlah keseluruhan responden yang tidak dapat menterjemahkan perkataan ‘المجاملة’ [*al-mujāmalah*] dengan padanan yang sesuai ialah 81 orang dengan peratusan sebanyak 90%.

5. Item 5: Perkataan ‘مقلوبة’ [*maqlūbah*] dalam ayat ‘تطبخ الأم مقلوبة لضيوفها’:

Terjemahan yang sesuai dan ideal bagi perkataan ‘مقلوبة’ [*maqlūbah*] mengikut elemen budaya ialah ‘*maqlubah*’ (ibu memasak *maqlubah* untuk tetamu). Maksud asal bagi ‘مقلوبة’ [*maqlūbah*] ialah ‘suatu benda yang dibalikkan/terbalik’, namun dalam konteks ayat ‘تطبخ الأم مقلوبة لضيوفها’ [*taṭbakhū/al-‘um/maqlūbat/liḍuyūfiha*], ‘مقلوبة’ [*maqlūbah*] bermaksud makanan berupa nasi yang dimasak bersama ayam atau daging. Nasi ‘مقلوبة’ [*maqlūbah*] merupakan hidangan istimewa bagi budaya masyarakat Arab. Bagi elemen budaya ini, ‘مقلوبة’ [*maqlūbah*] termasuk dalam butiran makanan yang berada di bawah kategori budaya material (Ghazala, 2008: 195).

Hakikatnya, terjemahan bagi perkataan ‘مقلوبة’ [*maqlūbah*] agak sukar dilakukan kerana ketiadaan padanan yang sesuai dalam bahasa Melayu yang dapat menggambarkan rupa sebenar nasi tersebut. Oleh itu, menterjemahkan perkataan ‘مقلوبة’ [*maqlūbah*] dengan menggunakan prosedur meminjaman dengan transliterasi sebagai ‘*maqlubah*’ atau menggunakan prosedur generalisasi dengan menggambarkan ‘مقلوبة’ [*maqlūbah*] secara umum sebagai ‘nasi Arab’ dianggap paling sesuai, terutamanya dalam usaha melindungi ciri-ciri tempatan budaya Arab dan dalam masa yang sama dapat memastikan hasil terjemahan dapat difahami oleh pembaca sasaran. Untuk itu, terjemahan yang baik bagi ayat ‘تطبخ الأم مقلوبة لضيوفها’ ialah sama ada ‘ibu memasak *maqlubah* untuk tetamu’ atau ‘ibu memasak nasi Arab untuk tetamu’.

Bagi Item 5 ini, terdapat 68 orang responden yang dapat menterjemahkan perkataan ‘مقلوبة’ [*maqlūbah*] dengan padanan yang sesuai mengikut konteks budaya iaitu ‘*maqlubah*’ (24 orang), ‘nasi Arab/makanan Arab’ (43 orang) dan ‘nasi campur ayam’ (seorang) dengan jumlah peratusan keseluruhan sebanyak 75.56%. Sementara bentuk terjemahan yang tidak menepati konteks budaya antaranya ialah ‘makanan’ (6 orang), ‘terbalik’ (6 orang) dan ‘hidangan’

(seorang). Jumlah keseluruhan responden yang tidak dapat menterjemah dengan padanan yang sesuai bagi perkataan 'مقلوبة' [*maqlūbah*] ialah 22 orang dengan peratusan sebanyak 24.44%.

6. Item 6: Perkataan البردة [*al-burdah*] dalam ayat تلبس النساء البردة تقوى لله:

Terjemahan yang sesuai bagi perkataan البردة [*al-burdah*] mengikut konteks budaya ialah 'purdah' (kaum wanita memakai purdah sebagai lambang ketakwaan kepada Allah). البردة' [*al-burdah*] [purdah] ialah selembur kain kecil yang digunakan untuk menutup muka wanita kecuali pada bahagian mata. Bagi elemen budaya, purdah merupakan sejenis pakaian yang dipakai oleh sebahagian wanita Islam Arab yang berpegang pada amalan pakaian sunnah. Ghazala (2008: 195) telah memasukkan butiran pakaian ini di bawah kategori budaya material.

Dalam konteks penggunaan prosedur terjemahan bagi perkataan 'البردة' [*al-burdah*] (purdah), prosedur peminjaman sesuai digunakan. Hal ini demikian kerana 'purdah' merupakan kata peminjaman sedia ada yang sudah menjadi sebahagian korpus bahasa Melayu. Selain bentuk terjemahan 'purdah', bentuk terjemahan 'niqab' juga diterima sebagai terjemahan yang sesuai untuk perkataan 'البردة' [*al-burdah*]. Hal ini demikian kerana, perkataan 'niqab' juga merupakan kata pinjaman sedia ada untuk perkataan 'النقاب' [*al-niqāb*] yang mempunyai makna yang sama dengan 'purdah'.

Bagi Item 6, terdapat 47 orang responden yang dapat menterjemahkan perkataan 'البردة' [*al-burdah*] dengan terjemahan sesuai mengikut konteks budaya iaitu 'purdah/burdah' (44 orang) dan 'niqab' (3 orang) dengan peratusan keseluruhan sebanyak 52.22%. Sementara bentuk terjemahan yang tidak menepati konteks budaya antaranya ialah 'pakaian menutup aurat' (18 orang), 'tudung/ selendang' (7 orang) dan 'jubah' (6 orang). Jumlah keseluruhan responden yang tidak dapat menterjemah dengan terjemahan yang sesuai ialah 43 orang dengan peratusan sebanyak 47.78%.

7. Item 7: Perkataan سطوح [*sutūh*] dalam ayat نطلع على سطوح البيت لمشاهدة النجوم المنتشرة:

Terjemahan yang sesuai bagi perkataan 'سطوح' [*sutūh*] mengikut konteks budaya ialah 'sutuh' (kami naik ke atas sutuh untuk melihat bintang-bintang yang bertaburan). 'سطوح' [*sutūh*] ialah bumbung rumah orang Arab yang berbentuk rata dan lapang. Bentuk bumbung sebegini terjadi kerana kebanyakan rumah masyarakat Arab berbentuk kotak yang akan dibina setingkat demi setingkat mengikut keperluan. Bagi konteks budaya, Ghazala (2008: 195) telah memasukkan butiran tempat tinggal atau rumah dalam kategori budaya material.

Bagi terjemahan 'سطوح' [*sutūh*], penggunaan prosedur peminjaman disarankan iaitu dengan memindahkan perkataan bahasa sumber 'سطوح' [*sutūh*] ke dalam bahasa sasaran sebagai 'sutuh'. Prosedur peminjaman ini sesuai dilakukan bagi memelihara ciri-ciri tempatan budaya Arab dan dalam masa yang sama disebabkan tiada padanan yang ideal untuk menggambarkan maksud 'سطوح' [*sutūh*] dalam budaya Melayu. Walaupun begitu, bentuk terjemahan 'bumbung' juga diterima. Bagi bentuk terjemahan 'bumbung', prosedur generalisasi digunakan.

Bagi Item 7, terdapat 43 orang responden yang dapat menterjemahkan perkataan 'سطوح' [*sutūh*] dengan padanan yang paling hampir mengikut konteks budaya iaitu 'bumbung' dengan peratusan keseluruhan sebanyak 47.78%. Sementara bentuk terjemahan yang tidak menepati konteks budaya antaranya ialah 'permukaan' (20 orang), 'atap' (8 orang) dan 'balkoni/beranda' (7 orang). Jumlah keseluruhan responden yang tidak dapat menterjemah dengan ideal bagi perkataan 'سطوح' [*sutūh*] ialah 47 orang dengan peratusan sebanyak 52.22%.

8. Item 8: Perkataan شيشة [*shīshah*] dalam ayat حان الآن شيشة مشهورة لدى الشباب الماليزيين:

Terjemahan yang sesuai dan ideal mengikut konteks budaya bagi perkataan شيشة [shīshah] ialah *shisha* (kebelakangan ini, *shisha* popular dalam kalangan orang muda Malaysia). شيشة [shīshah] (*shisha*) merupakan sejenis alat berbentuk bekas kaca yang mengeluarkan asap berperisa tembakau yang boleh disedut dan dihembus. Aktiviti menyedut ‘*shisha*’ ini kebiasaannya dilakukan pada waktu lapang oleh masyarakat Arab sambil berbual-bual. Bagi konteks budaya, *shisha* termasuk dalam kategori budaya sosial di bawah butiran pekerjaan dan aktiviti masa lapang (*work and leisure*) (Ghazala, 2008: 195).

Perkataan شيشة [shīshah] agak sukar untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu memandangkan tiada padanan yang sesuai dalam budaya Melayu yang dapat menggambarkan maksud sebenar perkataan tersebut. Justeru itu, prosedur peminjaman disarankan iaitu dengan memindahkan perkataan bahasa sumber شيشة [shīshah] ke dalam bahasa sasaran sebagai *shisha*. Prosedur peminjaman ini sesuai dilakukan bagi mengekalkan ciri-ciri tempatan budaya Arab dan dalam masa yang sama tiada padanan yang ideal untuk menggambarkan maksud شيشة [shīshah] dalam budaya Melayu.

Bagi Item 8 ini, kebanyakan responden (81 orang) dapat menterjemahkan perkataan شيشة [shīshah] dengan padanan yang ideal mengikut konteks budaya iaitu *shisha* dengan peratusan keseluruhan sebanyak 90%. Sementara bentuk terjemahan yang tidak menepati konteks budaya antaranya ialah ‘vape’ (3 orang), ‘rokok elektronik’ (seorang) dan ‘dadah’ (seorang). Oleh itu, jumlah keseluruhan responden yang tidak dapat menterjemah dengan ideal ialah 9 orang dengan peratusan sebanyak 10%.

9. Item 9: Perkataan الشتاء [al-shitā’] dalam ayat كان الطقس في الشتاء باردا جدا:

Terjemahan yang sesuai dan ideal mengikut konteks budaya ialah ‘musim dingin’ (cuaca pada musim dingin sungguh sejuk). Berdasarkan konteks budaya, الشتاء [al-shitā’] (musim dingin) merupakan unsur cuaca yang termasuk dalam kategori budaya ekologi (Ghazala, 2008: 195). Walaupun ‘musim dingin’ merupakan sebahagian daripada budaya ekologi negara Arab, namun masyarakat Melayu kebiasaannya dapat menggambarkan keadaan ‘musim dingin’ ini.

Dalam konteks terjemahan perkataan الشتاء [al-shitā’], prosedur terjemahan literal sesuai digunakan iaitu dengan menggantikan perkataan الشتاء [al-shitā’] dalam bahasa sumber dengan padanan sedia ada dalam bahasa sasaran iaitu ‘musim dingin’. Hal ini demikian kerana frasa ‘musim dingin’ merupakan korpus bahasa Melayu yang sering digunakan bagi menggambarkan keadaan cuaca yang sangat sejuk atau bersalji di negara beriklim empat musim. Selain bentuk terjemahan ‘musim dingin’, bentuk terjemahan ‘musim sejuk’ dan ‘musim salji’ juga diterima sebagai terjemahan yang ideal untuk perkataan ‘الشتاء’ [al-shitā’].

Bagi Item 9, kebanyakan responden (86 orang) dapat menterjemahkan perkataan ‘الشتاء’ [al-shitā’] dengan padanan yang sesuai mengikut konteks budaya iaitu ‘musim dingin’ atau ‘musim sejuk’ (82 orang) dan ‘musim salji’ (4 orang) dengan peratusan sebanyak 95.56%. Sementara bentuk terjemahan yang kurang menepati konteks budaya sumber antaranya ialah ‘musim tengkujuh’ (seorang), ‘sejuk’ (seorang) dan ‘musim’ (2 orang). Oleh itu, jumlah keseluruhan responden yang tidak dapat menterjemah dengan padanan yang sesuai hanyalah 4 orang dengan peratusan sebanyak 4.44%.

10. Item 10: Frasa الرقص الشرقي [al-raqs al-sharqī] dalam ayat ‘يمكن على الزوار مشاهدة الرقص الشرقي عند زيارتهم إلى مصر’:

Terjemahan yang sesuai dan ideal mengikut elemen budaya bagi frasa الرقص الشرقي [al-raqs al-sharqī] [tarian timur] ialah ‘tarian gelek’ (para pelancong boleh menyaksikan tarian gelek

ketika melancong ke Mesir). الرقص الشرقي [*al-raqs al-sharqī*] merupakan warisan kesenian yang memang terkenal berasal dari negara Arab. ‘Tarian gelek’ termasuk dalam kategori budaya organisasi, kostum dan idea yang meliputi politik sosial, undang-undang, keagamaan dan kesenian (*artistic*) (Ghazala, 2008: 195).

Dalam konteks terjemahan perkataan الرقص الشرقي [*al-raqs al-sharqī*] [tarian timur] menjadi ‘tarian gelek’, prosedur modulasi digunakan iaitu dengan membuat perubahan sudut pandang pada frasa الرقص الشرقي [*al-raqs al-sharqī*] [tarian timur] kepada frasa yang biasa digunakan dalam bahasa Melayu iaitu ‘tarian gelek’. Hal ini kerana, frasa ‘tarian gelek’ kebiasaannya digunakan oleh masyarakat Melayu bagi menggambarkan tarian seumpama itu yang berasal dari Timur Tengah. Selain bentuk terjemahan ‘tarian gelek’, bentuk terjemahan ‘tarian kebudayaan’, ‘tarian tradisional’ dan ‘tarian Timur Tengah’ juga diterima sebagai terjemahan yang sesuai. Hal ini demikian kerana bentuk-bentuk terjemahan tersebut dilihat mempunyai gambaran yang sama dengan ‘tarian gelek’.

Bagi Item 10, terdapat 28 orang responden yang dapat menterjemahkan perkataan ‘الرقص الشرقي’ [*al-raqs al-sharqī*] dengan padanan yang sesuai mengikut konteks budaya iaitu ‘tarian gelek’ (10 orang), ‘tarian kebudayaan/ tradisional’ (11 orang) dan ‘tarian Timur Tengah’ (7 orang) dengan peratusan keseluruhan sebanyak 31.11%. Sementara bentuk terjemahan yang tidak menepati konteks budaya antaranya ialah ‘tarian *ballet*’ yang mempunyai bentuk terjemahan tertinggi (44 orang), ‘tarian perut’ (4 orang) dan ‘tarian Mesir’ (3 orang). Oleh itu, jumlah keseluruhan responden yang tidak dapat menterjemah dengan padanan yang sesuai ialah seramai 62 orang dengan peratusan sebanyak 68.89%.

Secara keseluruhan, responden kajian mempunyai aras penguasaan yang sederhana rendah dalam menghasilkan bentuk terjemahan yang baik dan ideal bagi elemen kecekapan budaya. Hal ini berasaskan kepada min markah yang telah dianalisis melalui program *SPSS* bagi bentuk terjemahan yang tepat, iaitu 53.44%.

Jika diteliti dengan lebih terperinci pada 10 item yang telah dianalisis, hanya tiga item sahaja yang mencapai peratusan yang tinggi iaitu Item 9 (الثناء [*al-shitā*]) dengan peratusan 95.56% yang melibatkan 86 orang, diikuti oleh Item 8 (شيشة [*shīshah*]) dengan peratusan 90.00%, iaitu 81 orang dan Item 5 (مقلوبة [*maqlūbah*]) dengan peratusan 75.56%, iaitu 68 orang. Sementara itu, tujuh item yang lain hanya memperolehi peratusan sederhana rendah, rendah dan sangat rendah dengan Item 4 (المجاملة [*al-mujāmalah*]) memiliki peratusan paling rendah, iaitu hanya 10.00% yang melibatkan 9 orang. Hal ini telah menjadikan min keseluruhan kecekapan budaya hanya mampu mencapai aras penguasaan yang sederhana rendah sahaja, iaitu 53.44%.

b) Faktor yang mempengaruhi tahap kecekapan budaya dalam kalangan pelajar jurusan bahasa Arab

Bagi memperolehi dapatan yang lebih menyeluruh berkenaan tahap penguasaan kecekapan budaya dalam kalangan pelajar, satu sesi temu bual semistruktur telah dijalankan. Temu bual ini adalah bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi tahap penguasaan kecekapan budaya dalam kalangan pelajar, di samping dapat mengenal pasti bentuk penambahbaikan yang disarankan oleh para peserta kajian.

Melalui temu bual yang dilaksanakan, terdapat dua faktor utama yang dilihat mempengaruhi tahap penguasaan kecekapan budaya dalam kalangan pelajar iaitu:

- i) Kekurangan penekanan dalam aspek budaya semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Beberapa orang peserta telah menjelaskan bahawa aspek budaya antara dua bahasa hanya disentuh secara teori sahaja dalam pengajaran dan pembelajaran terjemahan. Penjelasan ini dapat dilihat dalam Petikan 61 dan Petikan 62:

Petikan 61 (Pelajar 2 (K3), baris 164-167)

“Menurut pandangan saya pula, dalam aspek memahami atau mengetahui sosiobudaya sesuatu masyarakat antara dua bahasa itu, ada disebutkan dalam kelas... Tapi hanya sekadar teorilah, sekiranya pelajar ingin memahami, perlu membuat kajian literasi sendiri.”

Petikan 62 (Pelajar 3 (K2), baris 199-200)

“Saya lihat sejujurnya, kita punya RMK hanya menyediakan teori semata-mata, tapi untuk penerapan yang tadi dan tentang budaya, dua bahasa sebentar tadi itu hanya ketika kita membuat *assignment*.”

- ii) Kekurangan pengaplikasian terhadap aspek budaya semasa pembelajaran terjemahan, sedangkan hakikatnya aplikasi dan praktikal merupakan suatu latihan yang penting dalam proses menguasai sesuatu kecekapan terjemahan. Lontaran ini dapat dilihat dalam Petikan 60:

Petikan 60 (Pelajar 2 (K2), baris 228-230)

“Kebudayaan tidak berapa mengaplikasikan yang sepatutnya ada RMK, contoh seperti pemahaman sepenuhnya dalam penterjemahan dan hanya semata-mata teori.”

Selain itu, para peserta melihat bahawa elemen kebudayaan ini seharusnya dibuat penambahbaikan dengan memasukkan elemen tersebut ke dalam silibus kursus terjemahan. Hal ini demikian kerana elemen kebudayaan dilihat mampu untuk menarik jiwa pelajar bagi memahami proses sesuatu terjemahan dilakukan. Pernyataan ini dapat dilihat dalam Petikan 63 dan Petikan 64:

Petikan 63 (Pelajar 1 (K2), baris 191)

“Ada perkara yang perlu kita tambah baik mungkin daripada sudut kebudayaan dan sebagainya.”

Petikan 64 (Pelajar 3 (K3), baris 198-201)

“Sememangnya patut diselitkan dalam RMK itu kerana terutamanya dalam bahagian sosiobudaya itu. Jadi apabila semua pelajar jurusan bahasa Arab belajar secara teori dan termasuk sekali dengan sosiobudaya itu, jiwa mereka akan lebih mendalam untuk tahu bagaimana penterjemahan dilakukan.”

Berdasarkan intipati temu bual terhadap peserta kajian tersebut, jelas bahawa para peserta turut menekankan tentang kepentingan pengetahuan dan kefahaman mengenai budaya dan persekitaran masyarakat bahasa sumber dan bahasa sasaran. Hal ini demikian kerana budaya dilihat sebagai pencetus bahasa dan bahasa pula berkait rapat dengan bangsa.

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Analisis keseluruhan yang dilakukan terhadap kategori kecekapan budaya mendapati bahawa hanya sebahagian responden sahaja yang dapat menterjemahkan item-item yang diberikan mengikut padanan budaya yang sesuai antara budaya sumber dan budaya sasaran. Analisis numerikal yang dibuat melalui program *SPSS* mengukuhkan dapatan ini apabila min markah

yang diperolehi menunjukkan peratusan yang diperolehi, iaitu hanya 53.44% dengan aras penguasaan yang sederhana rendah.

Situasi ini bermungkinan besar berkaitan dengan ketidakfahaman responden terhadap kebanyakan item-item budaya yang diuji kaji, di samping berkemungkinan cenderung untuk menggambarkan idea bagi perkataan asal dalam bahasa Melayu sebelum diterjemahkannya ke dalam bahasa Arab. Harun Baharudin (2017: 225) yang mengkaji tentang Strategi Terjemahan Menulis (STM) mendapati bahawa pelajar lebih kerap mengaplikasikan STM ketika ingin merancang penulisan bahasa Arab secara gambaran mental sebelum memulakan proses menulis. Dalam hal ini pelajar dalam kajian tersebut lebih cenderung untuk berfikir dan menggambarkan idea dalam bahasa Melayu sebelum menulis bahasa Arab menyebabkan keupayaan pelajar dalam STM hanya pada aras sederhana.

Di samping itu, kekurangan pendedahan terhadap budaya Arab sama ada di dalam kelas atau di luar kelas turut menjadi faktor penguasaan kecekapan budaya responden kajian hanya pada tahap sederhana rendah. Dapatan bagi sesi temu bual yang dijalankan mendedahkan perkara ini apabila beberapa orang peserta temu bual mendakwa bahawa pengaplikasian aspek kebudayaan kurang ditekankan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran kursus terjemahan. Hal ini demikian mungkin disebabkan oleh aspek kebudayaan tidak dimasukkan dengan jelas dalam silibus kursus terjemahan yang diikuti.

Penemuan terhadap kajian ini mempamerkan bahawa dalam penterjemahan budaya, kefahaman terhadap budaya asal bahasa sumber adalah amat penting. Kefahaman dan penghayatan terhadap budaya asal tersebut mungkin dapat diperolehi melalui pendedahan budaya yang lebih kerap. Hal ini demikian kerana melalui pendedahan yang kerap, kebiasaan amalan dan penghayatan penterjemah kepada budaya asing dilihat dapat membantu proses penterjemahan budaya antara dua bahasa dengan lebih baik. Situasi ini dapat dibuktikan melalui beberapa istilah dan amalan budaya Arab yang dilihat lebih popular dalam kalangan responden yang mungkin disebabkan oleh kekerapan pendedahan seperti *shisha*, *maqlubah* dan *shita* [al-*shitā*] [musim sejuk].

Justeru itu, memandangkan penterjemah dianggap sebagai agen silang budaya antara dua bahasa, maka pendedahan yang kerap, kefahaman dan penghayatan terhadap budaya asal amat disarankan. Hal ini demikian supaya penterjemah dapat melakukan sesuatu aktiviti penterjemahan budaya dengan lebih cermat, terutamanya bagi mengatasi permasalahan jurang budaya yang luas dan sensitiviti yang menyentuh resam dan adat sesuatu masyarakat. Tanpa pengetahuan elemen budaya yang mantap, terjemahan yang dihasilkan mungkin akan mengundang salah faham terhadap budaya sumber, khususnya budaya yang melibatkan sensitiviti sesuatu bangsa. Contoh ini dapat dilihat dalam analisis hasil terjemahan responden seperti frasa الرقص الشرقي [al-*raqs al-sharqī*] yang diterjemahkan sebagai 'tarian *ballet*' dan perkataan شيشة [*shīshah*] yang diterjemahkan sebagai 'dadah'.

Rentetan itu, langkah-langkah yang proaktif harus diambil bagi meningkatkan lagi tahap penguasaan kecekapan budaya dalam kalangan pelajar. Antara inisiatif yang dilihat dapat memberi kesan yang efektif terhadap objektif ini ialah:

1. Memasukkan elemen budaya dengan jelas dalam silibus kursus terjemahan seperti yang disarankan oleh peserta kajian dalam sesi temu bual yang dijalankan. Silibus kursus terjemahan yang mengandungi elemen kebudayaan ini bukan sahaja dapat membantu pelajar mendalami budaya asing khususnya budaya Arab, malahan diharap dapat mencapai aspirasi pembelajaran abad yang ke-21 (PAK-21).
2. Penganjuran latihan terjemahan yang berorientasikan kecekapan oleh pihak yang bertanggungjawab. Latihan tersebut boleh diadakan dalam pelbagai bentuk seperti kursus terjemahan secara khusus, kursus terjemahan secara berkala, bengkel kemahiran terjemahan dan aktiviti terjemahan berkonsepkan lapangan, umpamanya lawatan

kebudayaan. Kursus-kursus seperti ini bukan sahaja perlu dianjurkan kepada pelajar tetapi juga boleh dianjurkan kepada guru atau tenaga pengajar kursus terjemahan seperti kursus dalaman (*inhouse training*) supaya kompetensi pengajaran terjemahan dalam kalangan tenaga pengajar, khususnya bagi elemen kebudayaan dapat dipertingkatkan.

3. Latihan sendiri oleh pelajar seperti membangunkan kecekapan menterjemah dengan sentiasa merasai nadi bahasa dan budaya asing yang dipelajari, misalnya sensitif terhadap kiasan dan makna tersirat, bersikap kreatif dan sentiasa merujuk pakar bidang terjemahan. Selain itu, pelajar boleh membuat penerokaan budaya melalui laman-laman web berkaitan budaya. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, keperluan kepada pembelajaran sendiri dan sikap autonomi lebih diperlukan. Hal ini demikian kerana ruang pengajaran guru bersama pelajar adalah terhad. Kekurangan input seperti yang dialami oleh pelajar bahasa Arab di Malaysia memerlukan pelajar lebih bersifat autonomi dalam usaha untuk menguasai kosa bahasa sasaran (Mohd Zaki Ismail *et al*, 2016: 118) dan mendalami budaya bahasa yang terlibat.

Pendek kata, setiap pihak yang terlibat haruslah memainkan peranan dalam usaha melahirkan penterjemah yang mempunyai pengetahuan dan kecekapan budaya yang sepatutnya seperti yang disarankan oleh para sarjana, baik dari segi tahap budaya, status sosial, mahupun status teks terjemahan. Apatah lagi budaya sesuatu bangsa itu akan berubah usai peredaran masa dan perkembangan teknologi. Sama seperti bahasa, budaya juga bersifat dinamik yang hakikatnya akan sentiasa berubah mengikut perubahan cara hidup sesuatu bangsa.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah Geran Insentif (Penyelidikan) 2020, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Nur Hanani Hussin. (2017). Pendidikan abad ke 21 dalam kepelbagaian budaya: Cabaran dan harapan. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Pedagogi Antarabangsa ke-8 (PEDA8). Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, September.
- Abdullah Abdul Kadir Munsyi. (1997). *Hikayat Abdullah*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd.
- Abdullah Abdul Kadir Munsyi. (2009). *The Hikayat Abdullah (an annotated translation by A.H. Hill)*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS).
- Bassnett, S. (1991). *Translation Studies*. London: Routledge.
- Bednárová-Gibová, K. (2014). The Dark Side of Literary Translation: An Analysis of Translation Trainees' Performance. Dalam A. Kačmárová, (pynt.). *English Matters V* (hlm. 4-10). Prešov: Prešovská univerzita.
- Ghazala, H. (2008). *Translation As Problems and Solutions*. Lubnan: Dar El-ilm Lilimalayin.
- Goh Sang Seong. (2012). Kebolehterjemahan Budaya Tabiat Bahasa Cina-Bahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(1), 183-199.
- Goh Ying Soon & Azman Che Mat. (2009). Terjemahan dan budaya. Dalam Hasuria Che Omar & Rokiah Awang (pynt.). Kelestarian Bidang Penterjemahan Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12, 18-20 Ogos, Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.

- Harun Baharudin. (2017). Strategi dan Teknik Terjemahan Novel Arab dalam Kalangan Pelajar Universiti. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 17(4), 225-243.
- House, J. (2013). *Penterjemahan* (Haslina Haroon, Penterjemah). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- Ika Suzainn Let & Rohaidah Kamarudin. (2018). Penterjemahan Unsur Budaya dalam Bahasa Kiasan daripada Lagu Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu. *Jurnal Kesidang*. 3(1), 1-8.
- Mohd Zaki Ismail, Kaseh Abu Bakar, Nik Farhan Nik Mustapha & Nurazan M Rouyan. (2016). Strategi Pembelajaran Kosakata Berimbuhan Bahasa Arab. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*. 13(1), 113-133.
- Newbert, A. (2000). Competence in Language, in Languages, and in Translation. Dalam C. Schaffner & B. Adab (pynt.). *Developing Translation Competence* (hlm. 4-18). Amsterdam/ Philadelphia: John Benjamins Publishing Co.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to Translation*. Oxford: Pergamon Press.
- Normalis Amzah, Hieda, N. dan Nezu, M. (2012). Penyerapan Unsur Budaya dalam Pembelajaran Bahasa Jepun. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(2), 407-425.
- Pym, A. (2014). *Exploring Translation Theories*. Oxon: Routledge.
- Schaffner, C. & Adab, B. (2000). *Developing Translation Competence*. Amsterdam/ Philadelphia: John Benjamins Publishing Co.
- Vermeer, Hans J. (2004). Skopos and Commission in Translation Action. Dalam L. Venuti (pynt.). *The Translation Studies Reader* (hlm. 227-238). Oxon: Routledge.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2009). Bahasa dan budaya dalam novel terjemahan: Satu pendekatan pragmatik. Dalam Hasuria Che Omar & Rokiah Awang (pynt.). *Kelestarian Bidang Penterjemahan Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12*, 18-20 Ogos, Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.